

27/09/2000

BSLN tampung keperluan seni rupa

Salbiah Ani

BANGUNAN baru Balai Seni Lukis Negara (BSLN) yang tersergam indah di Jalan Temerloh off Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur, dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Karya seni catan, cetakan, arca, lukisan, karya instalasi, fotografi dan multimedia yang dipamerkan adalah koleksi tetap himpunan BSLN manakala selebihnya ikhsan pelukis serta koleksi peminat seni rupa tanah air.

Pameran yang menggabungkan empat generasi penggiat seni rupa Malaysia yang sudah menempa nama di tanah air mahupun antarabangsa menampilkan karya Bapa Seni Elektronik Malaysia, Allahyarham Ismail Zain dan Allahyarham Nik Zainal Abidin.

Tidak ketinggalan karya Yong Mun Sen, Latiff Mohidin, Datuk Ibrahim Hussein, Datuk Syed Ahmad Jamal, Chuah Thean Teng, Anuar Rashid, Khalil Ibrahim, Awang Damit Abdullah, Sharifah Fatimah Zubir, Mastura Abdul Rahman, Tengku Sabri Tengku Ibrahim, Ramlan Abdullah, Sulaiman Esa, Hasnul Jamal Saidon, Kelvin Chap Kok Leong dan John Hii.

Pameran yang diselenggarakan Kurator Jemputan, Redza Piyadasa itu menampilkan empat tema iaitu penonjolan modenisme, definisi nasionalisme, penerokaan identiti dan melampaui sempadan.

Dari senarai nama karya mereka yang dipamerkan dalam upacara perasmian bangunan baru BSLN itu, pasti ada di kalangan penggiat seni rupa tanah air yang berasa diri mereka tercicir atau disisihkan.

BSLN meskipun mungkin tidak berjaya memberi kepuasan kepada semua lapisan penggiat seni rupa tanah air tetapi sehingga kini berupaya menangkis sebarang kontroversi yang tidak mampu dielakkan mahupun ditangani Istana Budaya.

Ketika diajukan rasa tidak puas hati sesetengah penggiat seni rupa veteran dan baru tanah air, Pengarah BSLN, Wairah Marzuki menjelaskan, pihaknya sudah berusaha sedaya upaya memberi peluang dan ruang.

"BSLN sentiasa memberi peluang dan ruang baik kepada pelukis yang sudah mengukir nama, sedang meningkat mahupun pendatang baru tetapi tidak boleh mengorbankan mutu karya, sesuai dengan kedudukan sebagai institusi negara," katanya dalam pertemuan dengan Sastera dan Budaya di pejabatnya, beberapa hari sebelum upacara perasmian.

Justeru BSLN mempunyai jawatankuasa penilai sendiri dan bertanggungjawab menentukan karya yang layak dipamerkan di BSLN berdasarkan mutu piawai institusi berkenaan.

"Hanya karya terbaik yang dipilih untuk pameran di BSLN dan tentunya mutu piawai BSLN tidak mudah dicapai sebagaimana ciptaan dalam bidang lain seperti ISO 2000 untuk multimedia umpamanya yang sukar dicapai," jelasnya.

Penggiat seni rupa tanah air yang berasa terkilan dengan BSLN diminta menerima hakikat berhubung `ruang' BSLN nan terbatas hingga turut menghadkan program yang hendak dilaksanakan.

"BSLN seharusnya dijadikan sebagai medan untuk seniman seni rupa mengembangkan bakat mereka selepas menerima pendidikan secara formal di beberapa institusi pengajian tinggi negara ini," katanya.

Selain itu, penggiat seni rupa yang tidak mendapat tempat di BSLN dikatakan mampu ditampung lebih 10 galeri swasta di sekitar ibu kota, yang bukan saja mengadakan pameran tetapi juga jualan karya.

BSLN turut mengadakan jemputan pameran untuk kalangan penggiat seni rupa veteran selain mengusahakan penerbitan mengenai karya dan tokoh yang

pernah mengadakan pameran di institusi berkenaan.

"Malahan BSLN juga berusaha memperolehi karya pelukis tiga zaman dan adakalanya membeli karya mereka dengan persetujuan panel sekiranya keadaan dana mengizinkan," katanya.

Sehingga kini, BSLN sudah mempunyai lebih 2,000 koleksi himpunan tetap karya seni rupa yang turut mewakili penggiat generasi pertama, kedua dan ketiga negara ini.

Pusat kreatif yang pernah menjadi gelanggang pelukis muda mengadakan pameran di BSLN di bangunan Jalan Hishamuddin tetapi ditiadakan di bangunan baru, sesuai dengan statusnya kini.

"Di bangunan lama ruang berkenaan sebenarnya disewakan kepada penggiat seni rupa terutamanya pendatang baru bagi membolehkan mereka mengetengahkan bakat masing-masing kepada khalayak," ujarinya.

Pelupusan pusat kreatif di bangunan BSLN yang baru tidak bermakna badan berkanun terbabit mengabaikan kepentingan pendatang baru dalam dunia seni rupa Malaysia.

Daya usaha BSLN mengadakan pertandingan Bakat Muda Sezaman (dua tahun dihentikan dan tahun ini dihidupkan semula), pertandingan seni lukis bersama Nokia (sejak dua tahun lalu khusus untuk penggiat seni rupa yang berusia 18 hingga 25 tahun) dan Phillip Morris (sudah lima tahun) adalah sebahagian daripada bukti kesungguhan badan berkanun itu melindungi kelompok berkenaan.

Keiltizaman BSLN juga dapat dilihat menerusi program terbaru badan berkanun itu lewat Pertandingan Seni Arca Awam yang menawarkan hadiah RM5,000 tiap satu dan berjaya menarik 72 penyertaan.

Karya lima pemenang pertandingan itu, Aznan Omar dengan One Drop, Chin Wan Kee (Harmony & Unity), Mohd Faizal Ramli (Berat Mata Memandang), Ramlan Abdullah (Unity in Diversity) dan Wong Pei Yu (To Be Or Not To Be - Standing Egg), sedang diabadikan di BSLN.

Sesuai dengan perkembangan zaman, BSLN turut menyediakan laman webnya sendiri, <http://www.artgallery.org.my>, pada tahun ini dan didakwa lengkap selain sentiasa dikemaskinikan dari semasa ke semasa.

"Saya yakin laman web kami meskipun kecil tetapi lengkap melalui komen yang diterima selain berlaku intraksi di antara BSLN dengan pengguna dari negara luar termasuk London," katanya.

Dalam bidang penerbitan, BSLN menerbitkan katalog mengenai penggiat seni rupa Malaysia dan kini mempunyai lebih 1,000 fail artis yang didakwa kerap menjadi bahan rujukan.

Di antara buku yang ditangani BSLN ialah Wawasan dan Idea: Melihat Semula Seni Lukis Moden Malaysia, Retrospektif Ismail Zain, Yeoh Jin Leng: Kesenian dan Pemikiran (1952-1995), Kesenian dan Kerohanian, Kemakmuran Seni Lukis Negara Komanwel: Tradisi Imajinasi dan Negara Merdeka, Semangat Pelopor Seni (1950-an hingga 1960-an), Lukisan Malaysia, Barang Kemas Malaysia - Seni & Warisan, Seni Elektronik Pertama, Seni & Nasionalisme: Dulu dan Kini, Imbasan Bakat Muda Sezaman (1974-1997).

"Penerbitan katolog dan buku membabitkan perbelanjaan yang besar dan biarlah buku berbentuk ilmiah ditangani pihak lain termasuk Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang mempunyai kepakaran dalam bidang itu," ujarinya.

Wairah yakin kedudukan BSLN setara dengan organisasi sepertinya di luar negara dan ini dapat dilihat melalui permohonan artis untuk mengadakan pameran di badan berkanun terbabit lewat suruhanjaya masing-masing.

Sungguhpun permohonan yang diterima bagi mengadakan pameran memberangsangkan tetapi BSLN membataskannya kepada dua saja setahun bagi membuka ruang luas kepada penggiat seni rupa tempatan.

"BSLN terpaksa menggunakan format pameran berkumpulan kerana warga seni rupa semakin ramai dan pameran solo dikhususkan untuk penggiat yang sudah menempa nama seperti Syed Ahmad dan Redza," ujarinya. Dalam usaha lebih

memartabatkan seni rupa di Malaysia pada masa depan, BSLN merancang meminta bantuan kerajaan pusat dan negeri bagi mewujudkan Pusat Galeri Kanak-kanak.

Pusat berkenaan diyakini dapat membantu golongan berkenaan melahirkan perasaan mereka secara berseni dan mendekatkan diri selain memahami seni rupa sejak di peringkat awal.

Dengan adanya pendekatan itu akan dapat melahirkan generasi bangsa Malaysia yang bukan saja berjiwa seni tetapi juga kukuh dan bertoleransi tetapi juga mempunyai kefahaman kesenian serta berbudaya.

Wairah berharap lebih banyak kerajaan negeri mengadakan kegiatan seni rupa sebagaimana dipamerkan di Perak lewat Pekan Seni Ipoh dan Pahang akan menyusul tahun ini, bagi menampung permintaan nan meningkat. Program sokongan di peringkat negeri dapat mengurangkan kebergantungan penggiat seni rupa kepada BSLN semata-mata selain membolehkan bidang berkenaan berkembang secara membina. Redza yang kebetulan singgah sebentar ketika wawancara berlangsung yakin bahawa BSLN berada di landasan betul atas dasar, bukan mudah untuk menerima gelaran seniman penggiat seni rupa.

"Karya saya di peringkat awal pembabitan dalam seni rupa turut ditolak BSLN. Penggiat seni rupa tidak perlu bimbang kerana jika mereka benar-benar seorang seniman, lambat laut akan diterima juga,"katanya.

Beliau mengakui bahawa beliau sendiri mengambil masa lebih 40 tahun untuk `diiktiraf' sebagai seniman, Ibrahim Hussein (40 tahun), Latiff (40 tahun) dan Syed Ahmad (50 tahun).

"Mereka yang merasa `terpinggir' mengapa tidak berjinak-jinak di tempat lain dulu termasuk di Perkampungan Pelukis di Jalan Conlay dan apabila kemampuan sudah teruji oleh masa pasti suatu hari akan mendapat tempat," ujarnya.

(END)